

## Sheik kini ketua jurulatih silat nasional penuh masa

Berita Minggu, 9 April 2000, Page 21

Article also available on Microfilm Reel NL21860

Printer-Friendly Page

## Sheik kini ketua jurulatih silat nasional penuh masa

Silat Oleh YUSOFF A. RAHMÁN.

SHEIKH Alauddin Yaacob tidak begitu terkejut dengan pemilihannya selaku ketua jurulatih silat nasional sepenuh masa.

Persekutuan Silat Singapura (Persisi) telah mengumumkan perlantikannya semalam.

Turut dilantik untuk jawatan sepenuh masa sebagai Pentadbir Sukan ialah Aejl Karmak.

Kedua-duanya telah memulakan tugas masing-masing sejak awal bulan ini. Kontrak Sheik ialah untuk dua tahun sementara Aejl pula sekadar setahun.

Mengulas tentang pemilihannya itu, Sheik berkata:

"Saya bersyukur kerana Persisi telah melantik saya untuk jawatan itu. Bagaimanapun, saya tidak begitu terkejut sekalipun terdapat empat lagi permohonan untuk jawatan itu. Ini adalah pencapaian saya sebagai jurulatih dan atlit tahun lalu."

Sebagai jurulatih, Sheik ber-dibahagi kepada dua kumpulan.

Buat masa ini, ujarnya, beliau sedang menumpukan kepada latihan sebagai persiapan para pesilat untuk menghadapi Kejohanan Nasional pada Jun dan kemudian Kejohanan Terbuka Malaysia pada September.

Singapura akan juga mengirim pesilat untuk dua lagi kejohanan antarabangsa.

"Kami akan menyertai Kejohanan Belia Sedunia di Vietnam pada Ogos dan kemudian Kejohanan Sedunia di Jakarta pada November," kata Sheik.

Sementara itu, Aejl memberitahu tugasnya tidak banyak berbeza dengan jawatannya sebagai Setiausaha Persisi.

"Bezanya ialah kini saya dibayar gaji untuk menjalankan tugas sebagai seorang Pentadbir Sukan," jelasnya. — Oleh

sama dua rakan jurulatih, Jasni Salam dan Mohamed Noor, telah membantu Singapura memungut tiga pingat emas dalam Sukan SEA Brunei tahun lalu.

Inilah kali pertama dalam sejarah silat, Singapura berjaya memenangi tiga pingat emas dalam sukan itu.

Bahkan, Sheik adalah antara tiga pemenang pingat emas Singapura. Dua lagi ialah Abdul Kadir Ibrahim dan pesilat muda, Zulfakar Mohamed Ramli.

Antara jurulatih yang turut memohon untuk jawatan itu termasuk bekas Setiausaha Persisi, Jamaluddin Jamil, bekas ketua jurulatih Singapura, Ramli Awi dan Jasni Salam.

Mengenai program latihan skuad negara, Sheik berkata:

"Latihan peringkat kedua sudah berjalan dan melibatkan 40 pesilat. Latihan diadakan dua kali seminggu. Tetapi latihan itu



Ke arah memajukan silat: Sheik Alauddin (kanan) dan Aejl Karmak saling menggenggam tangan seolah-olah berjanji akan berusaha memajukan seni silat negara. — Gambar oleh RIDWAN MORDIPI.

Gambar oleh RIDWAN MORDIPI.